



Mayat Mohamad Akeela, 7, dan bapanya yang terkorban dalam serangan ganas Israel.

DUNIA sekali lagi dikejutkan dengan serangan rakus Israel (rejim Zionis) terhadap rakyat Palestin di Gaza. Rentetan daripada serangan yang dilakukan sebelum Israel mengisytiharkan 'menang' dan bersetuju melakukan gencatan senjata, menyebabkan ribuan rakyat Palestin terkorban atau cedera.

Serangan biadab secara berterusan puak rejim Zionis Israel terhadap wilayah Gaza pada kali ini dilihat sebagai satu serangan yang benar-benar mahu menghancurkan sama sekali wilayah itu.

Penduduk Palestin kini berada diambang maut akibat kekurangan ubat-ubatan, makanan dan bekalan darah yang semakin habis di hospital.

Apa yang dapat dilihat hanyalah air mata tangisan ibu yang kehilangan anak dan tangisan anak yang kehilangan ibu bapa serta kematian ahli keluarga.

Serangan ganas Israel ke atas Semenanjung Gaza membuktikan kebiadaban rejim Zionis membunuh rakyat Palestin yang tidak bersalah selain membelakangi suara dunia. Desakan dan tekanan antarabangsa bagaikan mencurah air di daun keladi, langsung tidak diendahkan Israel kerana mendapat sokongan Amerika Syarikat.

Ikuti kupasan lanjut terhadap reaksi serangan Israel terhadap Palestin yang sempat dicatat oleh wartawan Sinar Harian (SH) KEMALIA OTHMAN dan ATIQAHA YA'ACOB.